

04 FEB 1999

NAVARATNAM-KAWALAN

BERI GANJARAN KEPADA PELABUR JANGKA PANJANG, HUKUM MANIPULATOR, KATA NAVARATNAM

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan ganjaran kepada pelabur jangka panjang tulen dan menghukum spekulator jangka pendek apabila memansuhkan moratorium selama setahun ke atas dana portfolio, kata seorang pegawai korporat di sini hari ini.

Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat korporat Kumpulan Sungei Way, berkata selain itu kerajaan selanjutnya boleh memperkenalkan levi berperingkat-peringkat yang boleh dilanjutkan selama lebih dua tahun yang, dalam proses tersebut akan memastikan bahawa pelabur-pelabur menceburi pelaburan jangka panjang.

Ini adalah kerana pihak berkuasa telah menyatakan bahawa Malaysia akan bersedia menghapuskan kawalan modal berpilihnya setelah adanya sedikit reformasi kewangan global yang boleh membendung unsur-unsur spekulasi dan manipulasi berlebihan, katanya.

"Reformasi yang diharapkan dan diminta oleh Malaysia belum wujud seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Unsur-unsur yang bertanggungjawab bagi gangguan serius ekonomi inilah yang patut dihukum," katanya kepada Bernama ketika mengulas levi eksport berperingkat yang diumumkan hari ini bagi membolehkan penghantaran pulang dana portfolio.

Navaratnam berkata melalui pengalaman, pihak berkuasa boleh mengenalpasti mereka melalui nama dan pusat dagangan.

Tentang levi itu yang akan berkuatkuasa mulai 15 Feb, beliau berkata ia tepat pada masanya manakala levi ke atas keuntungan selepas 1 September tahun ini tidak akan mengurangkan pelabur, berbeza dengan levi ke atas modal yang dibawa masuk.

"Jika langkah-langkah ini diperkenalkan selepas berunding dengan pengurus dana asing, ia merupakan sesuatu yang adil dan munasabah," katanya.

Bagaimanapun, tanpa cukai, pelabur-pelabur boleh datang dan pergi dalam masa semalaman dan dengan adanya levi ke atas keuntungan, mereka akan mengekalkan modal mereka di sini lebih lama lagi untuk mendapatkan lebih keuntungan," katanya.

-- BERNAMA

MR KY MA